

Seminar Falak Kongsi Ilmu Fenomena Alam



Pekan, 13 April- Seramai 180 orang yang menyertai Seminar Falak Syarie peringkat UMP 2017 anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) bertempat di Dewan Kuliah Utama, Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), UMP Pekan baru-baru ini.

Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan, Dr. Mahyuddin Ismail berkata, seminar ini merupakan platform dalam memasyarakatkan budaya pengajian ilmu berkaitan agama Islam dalam kalangan warga UMP dan masyarakat setempat.

"Seperti yang kita maklum, ilmu Falak merupakan salah satu cabang ilmu penting dalam Islam yang membicarakan mengenai kejadian dan fenomena alam yang berlaku disekeliling kehidupan manusia.

"Menerusi seminar ini peserta dapat memantapkan pengetahuan berkenaan nas-nas syarak berkaitan Falak Syarie serta teori peredaran objek Samawi kursusnya Bumi, Matahari dan Bulan," katanya.



Dalam majlis ini, Ketua Unit Falak Jabatan Mufti Negeri Johor, Ustaz Hanafiah Abdul Razak menyampaikan ceramah berkaitan Ilmu Falak dan Astronomi Islam.

Beliau turut berkongsi mengenai kaedah penentuan kiblat, waktu solat dan penentuan bulan Islam menerusi kaedah moden dan kaedah tradisional dan slot yang terakhir beliau mengupas mengenai benarkan bumi bukan sfera.

Bagi Pensyarah PBMSK, Dr. Mohamad Hilmi Mat Said berpendapat, seminar ini banyak memberi manfaat dan pengetahuan dalam kejadian alam yang menjadi bukti kekuasaan Allah S.W.T.

Penganjuran mendapat sambutan ramai apabila turut dihadiri peserta dari sekolah-sekolah sekitar Pekan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Agama Islam Pahang dan beberapa agensi lain.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 26-04-2017, 17:10:39